

# Peruntukan mengurus IPTA dikurangkan

Oleh ROZZALIN HASHIM

KOTA KINABALU: Peruntukan mengurus tahun 2010 bagi 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dikawal selia Kementerian Pengajian Tinggi dikurangkan jumlah keseluruhannya oleh Perbendaharaan sebanyak 15 peratus, yakni daripada RM8.10 bilion pada tahun lepas kepada RM6.89 bilion bagi tahun ini.

Pada umumnya peruntukan dasar baru dan dasar pembayaran sekali gus itu tahun ini telah tidak diluluskan dimana peruntukan yang diberi adalah untuk menjalankan dasar sedia ada sahaja.

“Pengurangan ini mengikut setiap IPTA adalah antara jajaran minimum 5 peratus sehingga kepada yang tertinggi iaitu 34 peratus. Peruntukan geran mengurus yang diluluskan oleh Perbendaharaan ini pada umumnya adalah sekitar 90 peratus daripada keseluruhan bajet IPTA dan bakinya ialah ditampung melalui sumber dalaman IPTA, iaitu sekitar 10 peratus daripada keseluruhan belanja mengurus,” kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon.

Beliau menyatakan demikian ketika menyempurnakan perasmian Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bagi Tahun 2010 - 2011 dan Pelancaran Sistem E-Perolehan Bendahari UMS di Galeri, Aras 3, Bangunan Canselor UMS dekat sini, kelmarin.

Beliau berkata bagi UMS pula, peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2010 hanyalah RM233.3 juta tidak termasuk sumber dalaman berbanding RM253.6 juta pada tahun lepas.

Katanya, berdasarkan peruntukan 2010, sebanyak



**TERMETERAI... Dr.Kamaruzaman (duduk dua dari kanan) dan Dr.Amran menandatangani perjanjian Program Bagi Tahun 2010 - 2011.**

RM400,000 sahaja diluluskan dibawah dasar ‘One-Off’ untuk perjalanan ke luar negara manakala tidak ada peruntukan diluluskan untuk dasar baru 2010.

“Perlu diingat yang pengurangan peruntukan ini tidak pula bermakna yang universiti perlu mengurangkan aktiviti-aktiviti asas dan apa yang telah dirancang semasa belanjawan dibuat.

“Walau bagaimanapun, pihak KPT mengharapkan semua IPT termasuk UMS dapat menjalankan perbelanjaan secara berhemah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008 dan Bilangan 1 Tahun 2009,” jelas Dr. Kamaruzaman.

Menurut beliau, penurunan sebanyak RM20.3 juta atau lapan peratus ini menyebabkan universiti perlu membuat beberapa perubahan asas seperti mengagihkan semula peruntukan mengikut keutamaan dengan memastikan perbelanjaan emolumen kakitangan kontrak/sambilan, obligasi tetapi seperti utiliti dan kontrak-kontrak yang masih berkuatkuasa pada tahun 2010 yang menggunakan peruntukan mengurus diberi keutamaan.

“Tidak ada peruntukan tambahan akan dapat dipertimbangkan kepada PTJ



**LANCAR ... Dr.Kamaruzaman (dua dari kiri) bersama-sama mereka yang lain menunjukkan tanda bagus selepas melancarkan Sistem E-Perolehan Bendahari UMS.**

kecuali untuk membayai komitmen yang dibawa ke hadapan. Jika didapati sesuatu aktiviti itu penting dan perlu untuk dilaksanakan di PTJ, PTJ hendaklah menyediakan peruntukan daripada peruntukan sedia ada yang lain secara trade-off.

“Memberi keutamaan pengagihan peruntukan one-off bagi perolehan aset pengajaran. Perjalanan keluar negara dikawal ketat dan diberi untuk yang amat perlu sahaja.

“Penganjuran persidangan, seminar, kursus, mesyuarat di hotel, bengkel, retreat, pengubahsuaian pejabat, pembelian aset, majlis-majlis dan upacara keramaian juga dikawal ketat,” kata

Dr. Kamaruzaman.

Justeru itu, Dr. Kamaruzaman menambah bahawa bagi menghadapi tahun 2010 yang mencabar dengan situasi keterhadan kewangan ini maka universiti komitmen dalam menjayakan perbelanjaan berhemah amat diharapkan.

Hadir sama adalah Bendahari UMS, Haji Rizal Othman, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa UMS, Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Kassim Hj Md. Mansur, Pendaftar UMS, Abdullah Hj Mohd Said dan Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag. Amit.